

MAJLIS RAMAH MESRA ATM BERSAMA ANGGOTA CEDERA SEMPENA HARI ATM KE-84

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2512-majlis-ramah-mesra-atm-bersama-anggota-cedera-sempena-hari-atm-ke-84

BUTTERWORTH, 3 Okt 17 - Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor telah menyempurnakan Majlis Ramah Mesra Bersama Anggota Cedera Sempena Hari Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Ke-84 yang berlangsung di Pangkalan Udara Butterworth hari ini.

Majlis ini meraikan seramai 82 anggota ATM terdiri daripada warga veteran dan anggota yang masih berkhidmat untuk menghargai pengorbanan serta jasa mereka yang telah tercedera semasa melaksanakan operasi dan latihan selain membuktikan kepada umum bahawa ATM sentiasa menjaga kebajikan warganya.

Turut hadir Pemangku Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM serta Panglima-panglima Perkhidmatan yang lain.



